



SIARAN MEDIA

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG, SELANGOR
Tel: 03-80649000 / 9165

MAJLIS PENYERAHAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI NELAYAN PULAU JAMBONGAN, BELURAN

BELURAN, 15 MEI 2022: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, turun padang hari ini bagi menjayakan Majlis Penyerahan Elaun Sara Hidup Nelayan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Nelayan Pulau Jambongan di Dewan Bahanan, Pulau Jambongan, Beluran.

Majlis Penyerahan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) secara tunai khususnya di Pulau Jambongan ini merupakan yang julung kali diadakan. Pemberian ESHN ini merupakan program bantuan dalam bentuk kewangan yang diberikan setiap bulan kepada pemilik vesel perikanan dan pekerja atau awak-awak yang layak dan berdaftar dengan Persatuan Nelayan Kawasan.

Nelayan yang layak dipertimbangkan untuk bayaran ESHN adalah nelayan warganegara Malaysia yang mempunyai lesen vessel/bot yang sah, berusia 18 tahun ke atas serta golongan kategori pemilik vessel/bot perikanan Zon A sahaja dan awak – awak Zon A, B, C dan C2.

Dr Ronald berkata pemberian ESHN berjumlah RM300 yang diberikan setiap bulan kepada nelayan ini supaya para nelayan yang berdaftar dapat manfaat dari pelbagai program yang disalurkan kerajaan.

Kadar ESHN ini adalah sebagaimana yang telah ditingkatkan oleh Kerajaan bermula Januari 2021, iaitu daripada RM250 kepada RM300 sebulan yang memberi manfaat kepada lebih 35,000 nelayan seluruh negara.

Hari ini, Dr Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran telah sampaikan elauan secara tunai kepada 61 orang nelayan berdaftar dibawah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM17.3 ribu.

Selain ESHN, Kerajaan juga komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur perikanan yang lengkap. Dr Ronald juga telah menyerahkan *Mock Cheque* Projek Naik Taraf Jeti Kg. Bahanan bernilai RM 184,100, Projek Bina Baru Jeti Kg Jambongan Hujung bernilai RM 91,930 dan Elaun Sara Hidup Nelayan PNK Beluran bernilai RM 2,302,400.

“Dalam hal pengurusan nelayan, satu PNK baharu akan diwujudkan di Kawasan Sugut untuk menangani kawasan yang luas ini supaya perkhidmatan yang diberi boleh membela nasib nelayan di persisiran pantai dari Jambongan hingga ke Sugut,” jelas beliau.

Kerajaan melalui MAFI sentiasa memberi perhatian terhadap peranan penting yang dimainkan oleh nelayan dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran rantaian bekalan makanan. Oleh yang demikian, sebanyak 500 ribu ringgit turut diperuntukkan di bawah program Bantuan *Touch Point* Enjin Sangkut kepada 50 ahli PNK Beluran dan hari ini akan disampaikan kepada 4 orang penerima Pulau Jambongan dengan peruntukan 10 ribu ringgit setiap penerima.

“Di kawasan luar bandar, semua pemimpin dan wakil rakyat mesti bekerjasama supaya kita mendapat kebaikan-kebaikan melalui program-program yang disalurkan oleh Kerajaan melalui Jabatan dan Agensi,” ujar Dr Ronald.

Menurut beliau lagi, Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri di bawah MAFI, Kerajaan terus prihatin pada rakyat melalui pelaksanaan pelbagai program yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat termasuk nelayan.

“Seperti yang saya umumkan sebelum ini, kita akan buat dua mini kilang ais di Paitan dan Beluran untuk kemudahan bagi nelayan-nelayan mendapatkan bekalan ais,” kata Dr Ronald.

Kemudahan ini juga akan memberi perkhidmatan penyimpanan hasil tangkapan perikanan dan pemasaran ikan.

“Saya sedang berbincang dengan agensi lain di MAFI untuk membangunkan ekonomi luar bandar secara berterusan melalui program-program seperti ini,” tambah beliau.

Program dan insiatif yang dilaksanakan oleh MAFI melalui LKIM diharap dapat terus dilaksanakan dengan baik dan berkesan bagi memastikan hasil perikanan sentiasa mencukupi dan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin.

LKIM akan terus memainkan peranan sebagai agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dan memajukan perusahaan perikanan negara serta memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa.

Turut hadir dalam majlis ini, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Labuk, YB Tuan Samad bin Jambri, Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, MAFI, Encik Mazlan bin Othman, Ketua Pengarah LKIM, Tuan Yusuf bin Othman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LKIM, Hajah Khaironnesak binti Omar, Pengarah LKIM Sabah, Encik Mohd Jamil bin Abdullah, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PNK Beluran, Encik Rahman bin Utting, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) Tuan Haji Abdul Hamid bin Bahari dan Wakil Ketua Anak Negeri Pulau Jambongan, Tuan Haji Syarif Zakaria bin Syarif Atar.

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), MAFI

15 Mei 2022